



JABATAN PERANGKAAAN
MALAYSIA


DOSM/BK/Perak/7.2020/Siri14

BULETIN KHAS NEGERI


"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."
- **Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**
Ketua Perangkawan Malaysia

"Lebih RM26 juta telah dibelanjakan untuk menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasaran sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa" **YAB Menteri Besar Perak, 22 April 2020**

Perak menyumbang 5.4 peratus kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM73.0 bilion** (2017: RM69.3 bilion). Sektor **Perkhidmatan** dan **Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Perak. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM45.8 bilion (62.8 peratus)** dan **RM13.2 bilion (18.1 peratus)** kepada nilai KDNK Perak.



Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Perak, 2018



Sepuluh Negara Teratas yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Perak, 2016-2018

MIDA melaporkan bahawa nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Perak dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM2.4 bilion**. **Jepun, Taiwan dan Amerika Syarikat** merupakan tiga (3) buah negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Perak. Ketiga-tiga negara ini menyumbang **78.3 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Perak.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2018

Penduduk : 2.6 Juta
Kepadatan Penduduk : 123/km²



1,308.6 Ribu



1,261.0 Ribu

Kadar Kesuburan : 1.9
Kadar Kelahiran Kasar : 14.0
Kadar Kematian Kasar : 7.2

Bil. Hospital : 35 buah
Bil. Klinik Kerajaan : 353 buah

Bil. Katil Hospital
2016 - 6,553 katil
2017 - 6,505 katil




Bil. Doktor
2016 - 3,604 orang
2017 - 3,984 orang

Bil. Jururawat
2016 - 9,806 orang
2017 - 9,986 orang

Sumber: MyLocal Stats Perak, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk **Perak** bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM1.6 bilion** (Mac 2019: RM1.1 bilion). Nilai ini menyumbang **1.1 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Perak



Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Perak, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
LUMUT	4,789	8,049	12,838
LAIN-LAIN	38	283	321
PERAK	4,827	8,332	13,159

Pada tahun 2019, Perak mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM4.8 bilion** dan jumlah import bernilai **RM8.3 bilion**. **Lumut** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti eksport dan import di Perak pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

"Seramai 1,500 kakitangan barisan hadapan termasuk doktor, jururawat, petugas kesihatan Jabatan Kesihatan Perak yang terlibat dalam menangani wabak Covid-19 diberikan sumbangan makanan percuma dengan kos keseluruhan RM420,000.

- Sinar Harian, 18 Mac 2020

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Perak, 2017 dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	20,109.7	17,553.2
Pelawat harian Excursionist	12,469.9	9,989.3
Pelancong Tourist	7,639.8	7,563.9

Sumber: MyLocal Stats Perak, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Perak menerima 17.5 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 9.9 juta (56.9 peratus) merupakan pelawat harian dan 7.6 juta (43.1 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Penumpang yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang di Perak, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	52,543	44,008	57,818
Antarabangsa	217,153	230,138	257,855
Jumlah	269,696	274,146	315,673

Sumber: MyLocal Stats Perak, 2018


Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Perak telah meningkat kepada 0.31 juta berbanding 0.27 juta pada tahun 2017.

BULETIN KHAS NEGERI

Statistik Utama Tenaga Buruh, Perak, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	1,069.8	1,034.8	35.0	63.3	3.3
2019	1,080.3	1,043.7	36.7	63.6	3.4

Pada tahun 2019, penduduk bekerja di Perak adalah **1.0 juta orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **63.6 peratus** (Malaysia: 63.3 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 meningkat kepada **3.4 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 3.3 peratus dicatatkan tahun 2018.




Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Perak

Pada tahun 2019, Industri **perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Perak iaitu **198.3 ribu pekerja (19.0 peratus)** diikuti dengan industri **pembuatan, 189.2 ribu pekerja (18.1 peratus)**. Industri **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** dan **pertanian, perhutanan dan perikanan** masing-masing mencatatkan **123.2 ribu pekerja (11.8 peratus)** dan **99.8 ribu pekerja (9.6 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **58.5 peratus** pekerja di Perak.

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019



Sumber: Population Quick Info

Unjuran Penduduk Negeri Perak, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Perak boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Perak dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 68.5 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 21.0 peratus dan kumpulan umur tua 10.5 peratus.





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Perak, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERAK	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	4,585	5,228	3,451	4,006
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.6	"	7.5
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	6,141	6,958	4,268	5,065
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.2	"	8.6
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Perak, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERAK	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini				
<i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.361	0.380
Insiden Kemiskinan				
<i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.7	0.2

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Perak, 2016

	MALAYSIA		PERAK	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>				
Terendah 40% -B40		3,000		2,366
Pertengahan 40% -M40		6,275		4,678
Tertinggi 20% -T20		13,148		9,540
Purata (RM)				
<i>Mean</i>				
Terendah 40% -B40		2,848		2,313
Pertengahan 40% -M40		6,502		4,864
Tertinggi 20% -T20		16,088		10,974

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Perak, 2014 & 2016

	MALAYSIA		PERAK	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM)				
<i>Median</i>	2,946	3,314	2,383	2,837
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	5.9	"	8.7
<i>Compounded annual growth rate</i>				
Purata (RM)				
<i>Mean</i>	3,578	4,033	2,760	3,233
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun	"	6.0	"	7.9
<i>Compounded annual growth rate</i>				

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Perak, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
Jumlah	117.2	118.4	116.9
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	125.9	127.5	127.2
Minuman Alkohol dan Tembakau	165.2	166.3	166.3
Pakaian dan Kasut	92.4	92.2	92.0
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	114.5	115.9	115.9
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	114.5	115.2	115.2
Kesihatan	117.5	118.9	119.1
Pengangkutan	111.6	111.4	101.2
Komunikasi	99.4	101.7	101.7
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	108.3	109.1	109.1
Pendidikan	113.6	114.1	114.1
Restoran dan Hotel	126.2	126.5	126.8
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	114.8	116.9	117.4

Sumber: IHP, Mac 2020

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Perak menurun 0.3 peratus pada Mac 2020 kepada 116.9 berbanding 117.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP Mac 2020 bagi Perak menurun 1.3 peratus kepada 116.9 berbanding Februari 2020.

"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020




#LeaveNoOneBehind






Statistik COVID-19 Negeri Perak


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Perak




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Perak




Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Perak



Peratusan Kes Perak Terhadap Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Perak

Perkhidmatan Optik dan Tempahan Cermin Mata



Syarikat yang terlibat dengan Perkhidmatan Optik dan Tempahan Cermin Mata menganggarkan **kerugian 50% di dalam tempoh PKP** kerana syarikat ini tidak beroperasi dalam tempoh tersebut.

Perkhidmatan Perhotelan

Hasil tinjauan di Ipoh mendapati pihak hotel telah menerima **pembatalan tempahan di antara 90% hingga melebihi 95%**. Tiada pendapatan dijana melalui aktiviti makan & minum dan pengendalian majlis. Hasil kajian daripada Persatuan Hotel Malaysia (MAH) ke atas 3,464 bilik, mendapati **occupancy rate** bagi hotel di negeri Perak pada Januari 2020 hanya **44%** sahaja dan terus **menurun kepada 38%** pada Februari, **28%** (1-17 Mac 2020) dan **17%** (18-31 Mac 2020).



Perkhidmatan Feri

Hasil tinjauan mendapati bahawa pendapatan syarikat perkhidmatan feri telah **berkurang 30% hingga 40%** sehingga minggu pertama PKP dilaksanakan.

Susulan daripada larangan semua pelancong dan pelawat luar daripada memasuki Pulau Pangkor berkuatkuasa 24 Mac sehingga 31 Mac 2020, syarikat feri yang beroperasi dijangka akan terus mengalami **kerugian** berikutan pengurangan jumlah penumpang harian kepada lebih **90%**.



Aktiviti Agensi Pengembaraan, Operator Pelancongan, Khidmat Penempahan & Aktiviti Berkaitan

Syarikat yang menjalankan **aktiviti pelancongan** di Perak mengalami **kerugian antara 80% hingga 100%** kerana tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.



Pendapatan agensi yang bergantung kepada urusan pengendalian umrah dijangka akan lebih teruk terjejas apabila kerajaan Arab Saudi mengumumkan penggantungan sementara pengeluaran visa umrah dan pelancongan ke Arab Saudi pada 27 Mac 2020.

Agensi yang terlibat dalam **penyewaan bas** dan bas persiaran melaporkan **kerugian 100%** dan turut menjejaskan pembayaran gaji kepada pekerja.

Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor



Pengusaha bagi aktiviti penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dianggarkan mengalami **kemerosotan pendapatan perniagaan antara 55% hingga 85%** berikutan kekurangan

pelanggan dan perniagaan tidak beroperasi dalam tempoh PKP Fasa 1.

Perkhidmatan Jualan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Motosikal dan Komponen (Termasuk Alat Ganti) dan Aksesori Berkaitan



Perkhidmatan ini melaporkan nilai hasil **terjejas teruk hampir 60%** sebulan. Pertubuhan memaklumkan berkemungkinan akan menggunakan kemudahan penangguhan pembayaran bank sekiranya boleh.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Perak

Perkhidmatan Insurans

Secara keseluruhannya, perkhidmatan insurans ini beroperasi semasa tempoh PKP dilaksanakan. Ini kerana, pendaftaran pelanggan baharu boleh dilaksanakan secara atas talian. Walau bagaimanapun, hasil daripada tinjauan tersebut mendapati industri ini turut **terjejas 20% dari segi hasil dan bilangan pelanggan baharu** kerana kurang melaksanakan aktiviti promosi luar dan hanya bergantung kepada aktiviti promosi secara atas talian sahaja.



Perkhidmatan Jualan Stesen Minyak

Syarikat yang menjalankan aktiviti jualan borong stesen minyak tersebut dijangka berhadapan dengan isu kekurangan hasil jualan. Pelanjutan tempoh PKP sehingga 14 April 2020 dan penurunan harga minyak merupakan antara faktor utama kepada **penurunan hasil perniagaan** yang dianggarkan **di antara 30% hingga 60%** pada Mac 2020.

Pengusaha stesen minyak turut menjangkakan penurunan hasil akan terus meningkat pada April 2020 dan seterusnya menyebabkan kerugian yang besar kepada pengusaha stesen minyak.



Jualan runcit barang kemas

Pelaksanaan PKP telah menjejaskan pendapatan peniaga jualan runcit barang emas kerana tidak dibenarkan beroperasi. Berdasarkan kajian, dianggarkan pengusaha mengalami **kemerosotan pendapatan perniagaan antara 50% hingga 90%** pada Mac dan April 2020, tertakluk kepada pelanjutan tempoh PKP.

Perkhidmatan Perniagaan Gerai Buah-buahan

Majoriti gerai buah-buahan tidak beroperasi dalam tempoh pelaksanaan PKP dan hanya sebilangan kecil peniaga yang membuka gerai dua (2) hari dalam seminggu. Penutupan gerai semasa pelaksanaan PKP menyebabkan berlakunya lambakan buah-buahan yang tidak dapat dijual dan menjadi rosak. Justeru, kebanyakan peniaga mengalami **kerugian antara 50% hingga 100%**.



Perkhidmatan Borong & Runcit (Peruncitan)

Kebanyakan syarikat yang menjalankan aktiviti jualan runcit barangan melaporkan hasil meningkat sebelum pelaksanaan PKP kerana orang ramai membuat *panic buying*. Namun, pelanggan semakin berkurangan selepas pelaksanaan PKP bermula 18 Mac 2020. Tinjauan di pasaraya tumpuan penduduk dan juga kedai runcit mendapati **jualan bagi bulan Mac 2020 dianggarkan menurun 50%** dan tumpuan pembelian pelanggan adalah makanan kering dan basah sahaja. Walau bagaimanapun, tiada pekerja yang diberhentikan walaupun tempoh operasi dipendekkan.

Aktiviti Borong Makanan & Minuman & Barang Makanan Lain

Pengeluaran produk berjalan seperti biasa kerana pengusaha menganggarkan stok mencukupi bagi menampung permintaan. Pendapatan syarikat didapati **turun 18%** pada Februari 2020 berbanding bulan sebelumnya berikutan peningkatan jualan pada Januari bagi menampung permintaan Tahun Baru Cina.

Pada bulan Mac 2020, permintaan stok barangan **meningkat dua kali ganda** daripada pihak peruncit/pelanggan.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Perak



Restoran & Kedai Makan

Restoran di bandar Ipoh **menjangkakan kerugian di antara 50% hingga 65%** penurunan pendapatan bulanan. Manakala restoran makanan segera menjangkakan kerugian 45% penurunan hasil bulanan.

Aktiviti Peniaga *Foodtruck*

Beberapa peniaga *foodtruck* yang dihubungi melaporkan perniagaan mereka tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP bermula 18 Mac hingga 28 April 2020. Keadaan ini menyebabkan peniaga tersebut mengalami **penurunan pendapatan perniagaan 40%-50%** bagi bulan Mac 2020 dan tiada pendapatan pada April 2020. Ini kerana sumber pendapatan mereka hanya bergantung kepada hasil jualan langsung perniagaan pada setiap hari di lokasi yang dibenarkan.

Perkhidmatan Pemborong Buah Kelapa Sawit

Pemborong buah sawit (Rem Sawit) masih meneruskan operasi dalam tempoh pelaksanaan PKP. Tinjauan kepada pemborong buah sawit di Langkap melaporkan bahawa kuantiti buah sawit yang dijual ke tempatnya tidak berubah kerana pekebun kecil masih keluar untuk mengait buah sawit. Namun, pemborong ini mengalami sedikit **kerugian dalam anggaran 3% hingga 8%** berikutan kilang pemprosesan kelapa sawit menghadkan masa penghantaran buah sehingga jam 3.30 petang.

Pembuatan – Industri Minyak Kelapa Sawit Mentah

Tinjauan ke atas kilang pembuatan minyak kelapa sawit mentah yang memiliki 108 hingga 109 pekerja melaporkan hasil pengeluaran mereka tidak terjejas semasa pelaksanaan PKP kerana dibenarkan beroperasi bermula 18 Mac hingga 14 April 2020. Hasil daripada syarikat tersebut telah **meningkat berbanding bulan sebelumnya sehingga 6% hingga 20%** bergantung kepada saiz pertubuhan, saiz ladang dan juga lambakan buah kelapa sawit daripada estet/ladang.



Sektor Pertanian - Perikanan

Bekalan ikan di Negeri Perak masih stabil walaupun **hampir 40% nelayan tidak turun ke laut** semenjak pelaksanaan PKP. Kilang pemprosesan ikan, pengeksport ikan dan rantaianya di Negeri Perak telah beroperasi seperti biasa setelah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). **Eksport produk ikan dijangka menurun 45%** kerana pengusaha mengutamakan pasaran tempatan berbanding luar negara. Tinjauan juga mendapati terdapat **peraih ikan di Kuala Gula yang mengalami pengurangan hasil pendapatan 40%** berikutan kurang nelayan yang turun ke laut atas faktor cuaca tidak menentu dan risiko wabak COVID-19, terutamanya semasa ikan baru sampai di jeti.




Sektor Pertanian – Tanaman

Bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan adalah stabil walaupun berlaku **penurunan 70%** dalam penjualan hasil tani pada minggu pertama pelaksanaan arahan PKP berikutan gangguan pengedaran dan pemasaran.

Sektor Pertanian – Ternakan

Disebabkan permintaan pasaran daging ayam yang berkurangan dan bekalan bahan mentah seperti jagung, soya dan ubatan yang juga berkurangan dengan kos yang meningkat, kebanyakan *integrator* besar mula **mengurangkan pemeliharaan anak ayam antara 30%-50%**.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Perak




Pembuatan Produk Berasaskan Getah

Syarikat yang menjalankan aktiviti pembuatan produk getah melaporkan tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP dan telah **menganggarkan kerugian 90%**. Sehingga kini, untuk industri pembuatan getah hanya beberapa aktiviti *essential* sahaja (seperti industri sarung tangan getah) yang dibenarkan beroperasi.

Pembuatan Sarung Tangan Getah

Syarikat terlibat dalam aktiviti pembuatan sarung tangan merekodkan **peningkatan permintaan dua kali ganda** bagi pengeluaran sarung tangan perubatan susulan daripada pandemik Covid 19. Semenjak PKP dilaksanakan pada 18 Mac 2020, syarikat pembuatan sarung tangan juga telah menghadapi kekangan untuk meningkatkan pengeluaran dan juga **isu pekerja yang tidak mencukupi**.



Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Sebahagian syarikat dalam sektor tersebut melaporkan **kerugian 100%** kerana tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP. Syarikat tidak dapat memproses bahan galian dan menjualkannya kepada pembeli, mengakibatkan hasil jualan dan pendapatan perniagaan terjejas. Namun, syarikat masih perlu menanggung bayaran kos operasi lain dan gaji pekerja

Aktiviti Pembuatan Biskut/Bakeri

Aktiviti pembuatan biskut/bakeri melaporkan anggaran **kerugian di antara 70% hingga 90%**. Kebanyakan syarikat ini tidak beroperasi semasa tempoh PKP dan pembekal bahan mentah tidak dapat membekalkan bahan-bahan mentah yang diperlukan.



Aktiviti Pembuatan Makanan

Aktiviti pembuatan makanan seperti *frozen food* dan makanan kering (seperti kerepek dan bahu) melaporkan mengalami anggaran **kerugian 70% hingga 90%** sepanjang tempoh PKP. Kerugian turut dialami disebabkan oleh terpaksa membuat pembatalan tempahan dan edaran luar kawasan setelah penguatkuasaan PKP.

Pembuatan Perabot

Syarikat dalam aktiviti pembuatan perabot menjangkakan **kerugian RM100,000** kerana tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP.



Pembatalan tempahan oleh pelanggan dan pelanjutan PKP akan menambah kerugian syarikat.

Sektor Pembinaan

Beberapa kontraktor menjangkakan **kerugian di antara 70% - 80%** dalam tempoh PKP. Mereka turut dibebani dengan kos gaji pekerja 6-8 orang kerana tidak dapat menjalankan operasi.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

BULETIN KHAS NEGERI

#DOSMBACA #DUDUKDIRUMAH

Sinar Harian, 18 Mac 2020 (Rabu)

Kerajaan Perak Biayai Makanan Petugas Kesihatan

Saifullah Ahmad

IPOH - Kerajaan Perak hari ini mengumumkan inisiatif tambahan dalam usaha menangani kesan penularan koronavirus (Covid-19) termasuk membiayai makanan petugas kesihatan.

<https://www.sinarharian.com.my/article/74381/KHAS/Koronavirus/Kerajaan-Perak-biayai-makanan-petugas-kesihatan>

Astro Awani, 27 Mac 2020 (Jumaat)

COVID-19: MB Perak Potong Gaji Dua Bulan Aida Aziz



IPOH: Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu memutuskan untuk memotong dua bulan gajinya untuk disalurkan kepada Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Negeri Perak.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-mb-perak-potong-gaji-dua-bulan-235534>

Malay Mail, 13 April 2020 (Isnin)

Covid-19: Charitable People Help Perak Doctor Get 'Swabbing Booth' Design Turned Into Reality Foong Pek Yee

IPOH, April 13 — The booth may look simple but it makes Covid-19 screening faster and with almost no direct contact between the healthcare worker and patient.



<https://www.malaymail.com/news/life/2020/04/13/covid-19-charitable-people-help-perak-doctor-get-swabbing-booth-design-turn/1856159>

Harian Metro, 3 Mei 2020 (Ahad)

Perak Tangguh Operasi Sektor Makanan, Riadah Dulu

Balqis Jazimah Zahari, am@hmetro.com.my



KERAJAAN negeri Perak akan mengguna pakai prosedur operasi standard (SOP) pembukaan ekonomi yang diumumkan Kerajaan Persekutuan dengan penangguhan operasi bagi sektor makanan dan riadah.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/574112/perak-tangguh-operasi-sektor-makanan-riadah-dulu>

The Star, 18 Mac 2020 (Rabu)

Covid-19: Perak Sets Aside Rm7mil in Special Aid for Targeted Groups Manjit Kaur

IPOH: The Perak government has come up with additional special aid for several targeted groups in view of the Covid-19 outbreak, says Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

The Perak Menteri Besar said a total of RM160,000 would be provided to the state Health Department to purchase any additional required equipment.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/18/covid-19-perak-sets-aside-rm7mil-in-special-aid-for-targeted-groups>

The Star, 6 April 2020 (Isnin)

PKP: Perak Launches Agroprihatin Scheme To Help Farmers

IPOH (Bernama): The Perak government has launched its RM1mil AgroPrihatin scheme to help farmers who are badly affected by the implementation of the movement control order (PKP) following the spread of Covid-19.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/06/Perak-launches-agroprihatin-scheme-to-help-farmers>

Sinar Harian, 13 April 2020 (Isnin)

Perak Cadang Bazar Ramadan Pandu Lalu Normawati Adnan

IPOH - Kerajaan Perak bercadang menganjurkan bazar Ramadan secara pandu lalu dan dalam talian di lokasi-lokasi terpilih bermula 29 April ini, sebaik tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

<https://www.sinarharian.com.my/article/78791/EDISI/Perak/Perak-cadang-bazar-Ramadan-pandu-lalu>

Sinar Harian, 4 Mei 2020 (Isnin)

Perak Perlu Segerakan Pakej Rangsangan Ekonomi

Saifullah Ahmad



IPOH - Kerajaan Perak perlu menyegerakan pakej rangsangan ekonomi bagi memastikan perkembangan ekonomi yang terkesan akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19) dapat kembali pulih.

<https://www.sinarharian.com.my/article/81903/EDISI/Perak/Perak-perlu-segerakan-pakej-rangsangan-ekonomi>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

